

Cara Solat Sunat Witr Yang Ringkas & Mudah

Solat sunat Witr? Kita sering kali mengaitkannya dengan solat Tarawih, kan?

Sebenarnya, tidak semestinya solat ini dilakukan pada bulan Ramadan sahaja, bahkan sunat didirikan pada waktu selain daripada bulan puasa itu, tidak kisahlah pada bila-bila malam pun secara bersendirian ataupun berjamaah.

Solat sunat Witr adalah solat yang didirikan sebagai pengakhiran bagi solat lain pada satu-satu hari tersebut. Jadi, hendaklah didahulukan solat lain seperti Tahajjud, solat Tarawih dan solat Hajat sebelum mengerjakan solat ini. Ini kerana Witr adalah solat pelengkap atau penutup yang tidak ada lagi solat lain selepasnya.

Rasulullah SAW bersabda;

“Daripada Ibn Umar daripada Nabi SAW sabdanya; ‘Jadikanlah sembahyang Witr sebagai sembahyang terakhir bagi kamu pada waktu malam’.”(Hadis Riwayat

al-Bukhari dan Muslim)

Hukum Solat Sunat Witr

Sebenarnya, solat Witr lebih utama daripada solat-solat sunat Rawatib yang lain. Hukumnya adalah sunat muakkad, iaitu solat yang sangat dituntut untuk dikerjakan. Seperti sabda Rasulullah SAW;

“Wahai ahli al-Quran, kerjakanlah solat Witr, sebab Allah itu Witr (Maha Esa) dan suka sekali kepada Witr.”(Hadis Riwayat Ahmad)

Rakaat Solat Sunat Witr

Solat sunat Witr tidak genap rakaatnya, iaitu boleh didirikan sama ada dengan satu, tiga, lima, tujuh, sembilan atau paling banyak 11 rakaat. Solat ini juga boleh

dilakukan dalam dua-dua rakaat dan diakhiri satu rakaat, ataupun diakhiri dengan tiga rakaat (satu kali tahiyat satu kali salam).

Tetapi yang paling afdhal ialah 11 rakaat. Rakaat yang paling minima adalah satu rakaat sahaja, namun digalakkan tiga rakaat dengan dua salam.

Waktu Solat

Waktu yang sesuai untuk mendirikan solat sunat Witir adalah selepas solat Isyak sehingga menjelang waktu solat Subuh.

Cara Mengerjakan Solat Sunat Witir

Cara mengerjakan solat witir Lazimnya dilakukan dua rakaat, sekali salam diikuti dengan satu rakaat sekali salam.

Ini bermaksud:

1. Satu rakaat – sekali satu rakaat
2. Tiga rakaat – sekali dua rakaat dan sekali satu rakaat.
3. Lima rakaat – Dua kali dua rakaat dan sekali satu rakaat.
4. Tujuh rakaat – Tiga kali dua rakaat dan sekali satu rakaat.
5. Sembilan rakaat – Empat kali dua rakaat dan sekali satu rakaat.
6. Sebelas rakaat – Lima kali dua rakaat dan sekali satu rakaat.

Lafaz Niat Dua Rakaat:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوَيْتْرِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat sunat Witir dua rakaat kerana Allah Taala.”

Pada rakaat pertama; hendaklah membaca surah al-Fatihah dan surah al-A'la.

Pada rakaat kedua; bacalah surah al-Fatihah dan surah al-Kafirun.

Lafaz Niat Satu Rakaat:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوَيْتْرِ رَكْعَةً لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat sunat Witr satu rakaat kerana Allah Taala.”

Selepas membaca al-Fatihah, bacalah surah al-Ikhlash, al-Falaq dan al-Nas

Sebaik selesai tahiyat dan salam, bacalah bacaan ini;

يَا لَطِيفُ يَا كَافِيَنَا حَفِيفُ يَا شَافِي (x 2 kali)

يَا لَطِيفُ يَا وَافِي يَا كَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ (x 1 kali)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (x 10 kali)

Baca pula doa solat sunat Witr, iaitu;

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ وَأَعُوذُ بِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي تَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَنْتُنَيْتَ عَلَيَّ نَفْسِكَ

Namun bagaimana pula jika seseorang itu telahpun mengerjakan solat sunat Witr, tetapi mahu bersolat lagi selepas itu?

Jika begitu, dia boleh bersolat lagi tetapi tidak boleh mengulangi lagi solat Witr. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW yang bersabda;

“Tidak ada dua Witr pada satu malam.” (Hadis Riwayat Ahmad)

Namun, mengikut pandangan para ulama, sesiapa yang telah mengerjakan solat sunat Witr di awal malam dan bangun semula pada tengah malam untuk bersolat lagi, maka hendaklah mendirikan solat sunat Witr satu rakaat lagi dengan niat menggenapkan solat Witr yang awalnya tadi.

Setelah mengerjakan solat sunat Witr satu rakaat, barulah didirikan solat sunat yang lain pula. Lalu diakhiri dengan solat Witr, yang dikira sebagai satu solat sunat Witr sahaja.

Rupa-rupanya terdapat banyak solat sunat yang sepatutnya kita amal dan perbanyakkan. Bukan sahaja dapat menambah tabung pahala kita, tetapi mendekatkan diri kepada Allah SWT selain mendidik jiwa kita menjadi manusia yang lebih berjiwa hamba.

Mudah-mudahan dari hari ke hari, kita dapat menambahkan amalan solat sunat kita untuk menjadi hamba Allah SWT yang lebih beriman dan bertaqwa.